

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [SETIU]
SOALAN :**

YB Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kakitangan perubatan termasuk doktor dan jururawat yang telah disahkan dijangkiti penyakit berjangkit ketika bertugas dan apakah jaminan Kementerian dalam memastikan pendapatan mereka tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik yang diperolehi daripada notifikasi kecederaan, kemalangan dan penyakit pekerjaan dalam kalangan anggota Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tahun 2013, didapati bahawa seramai 201 anggota dilaporkan mendapat jangkitan tuberkulosis (kadar insiden 90.7 per 100,000 anggota kesihatan). Data daripada laporan penyakit berjangkit menunjukkan seramai 5 anggota dijangkiti dengan penyakit HIV, 4 anggota dengan Malaria dan seorang dengan kusta. Walau bagaimanapun, tidak semua kes yang dilaporkan disahkan berpunca daripada tempat kerja.

Ke semua anggota dengan penyakit berjangkit diberi rawatan yang sepatutnya dan akan disiasat untuk menentukan punca penyakit berjangkit yang dihadapi samada dari tempat kerja atau tidak. Anggota akan ditempatkan di tempat kerja yang sesuai jika didapati mempunyai risiko tetapi masih boleh menyumbang kepada perkhidmatan di KKM.

Anggota yang mengalami ketidakupayaan kekal akibat penyakit berjangkit boleh memohon untuk pembayaran ex gratia, yang merupakan skim bayaran pampasan untuk anggota perkhidmatan awam bagi kemalangan dan penyakit berjangkit yang berpunca di tempat kerja.